

LAIKAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI  
PENIAGA DAERAH DAN TANAH MARAN  
PULANG

DISEDIAKAN OLEH :

RAZALIZA BINTI TUKIMAN  
SARJANA IJUZA SAINS  
(POLISI AWAM DAN SEKTARAN)

BUSA PENGETAHUAN


LAPORAN LATIHAN INDUSTRI DICERAHAKAN KEPADA  
JABATAN PENGAJIAN AWAM  
FAKULTI PENGURUGAN DAN EKONOMI  
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA (KUSTEM)

2002

**1100033016**

PERODUSTRIAN  
UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MATAYSIA (KUSITM)

RETOUSTOKOON



LI 33 FPE I 2002



1100033016

# Laporan akhir latihan industri di Pejabat Daerah dan Tanah Maran Pahang / Razaliza Tukiman.

## **PERPUSTAKAAN**

**KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA**  
**21030 KUALA TERENGGANU**

**Lihat sebelah**



**LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI  
PEJABAT DAERAH DAN TANAH MARAN  
PAHANG**

**Oleh**

**RAZALIZA BINTI TUKIMAN  
Sarjana Muda Sains(Polisi Awam dan Sekitaran)**

PUSAT PEMBELAJARAN DIGITAL SULTANAH NUR ZAH

**Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada**

**Jabatan Pengajian Am  
Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi  
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia  
(KUSTEM)**

**2002**

**1100033016**

*Dedikasi*

*Sekalung budi....*

*Ayah, emak, Razali*

*Raziah, Roszamani, Mohd Rafe*

*Rozanawati, Roshima, Rafidah Izzati*

*Zabidah, Nurul Aina Najwa*

*Azhar Ali*

## PENGHARGAAN.

*Bismillahirrahmanirrahim.*

Bersyukur saya ke Hadrat Allah (swt) kerana dengan limpah dan kurniaNya saya telah berjaya menjalani Latihan Industri dan dapat menyiapkan Laporan Latihan Industri mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan. Saya telah menjalani Latihan Industri di Pejabat Daerah dan Tanah Maran, Pahang selama kira-kira 12 minggu. Hasil yang saya perolehi ini adalah bantuan daripada beberapa pihak.

Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan ribuan penghargaan kepada pihak Fakulti Pengurusan dan Ekonomi yang telah memberi peluang kepada saya untuk mengikuti Latihan Industri ini. Melalui peluang yang diberikan saya dapat menimba pengalaman dan seterusnya dapat mempraktikkan pada masa yang akan datang.

Selain itu, penghargaan juga diberikan kepada Penyelia Industri saya iaitu Encik Masari bin Abdul Rashid, selaku Ketua Penolong Pegawai Daerah di Pejabat Daerah dan Tanah Maran, Pahang yang sudi menerima saya untuk menjalani Latihan Industri di tempat tersebut.

Setinggi-tinggi penghargaan juga saya ucapkan kepada Penyelia dari Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia iaitu Puan Noraien binti Mansor kerana telah banyak memberikan kerjasama yang baik kepada saya sepanjang saya mengambil kursus ini. Tanpa sokongan dan bantuan daripada beliau, kemungkinan saya tidak dapat menyiapkan laporan industri ini.

## SENARAI KANDUNGAN.

PERKARA	HALAMAN
Dedikasi	
Penghargaan .....	ii
Senarai Kandungan.....	iii
Senarai Jadual.....	v
Senarai Rajah.....	vi
Ringkasan Eksekutif.....	vii
BAB 1 : Latar Belakang Organisasi	
a. Pengenalaan .....	1
b. Carta Organisasi.....	3
c. Aktiviti Organisasi.....	7
d. Kemahiran Yang Ingin Dipelajari-Panduan Arah Tuju Laporan Dibuat Atau Matlamat Yang Ingin Dicapai Dalam Latihan Industri.....	15
BAB 2: Mengenalpasti Masalah Dan Cadangan Penyelesaian	
a. Penemuan Di Bahagian Di Unit Pembangunan Luar Bandar	
i. Mengesan Sistem Sedia ada.....	20
ii. Mengenalpasti Masalah.....	22
iii. Cadangan Penyelesaian.....	32

b. Analisis Masalah Dan Perbincangan Keseluruhan	
i. Rumusan Analisis Dan Perbincangan .....	38
ii. Pelaksanaan Cadangan dan Implikasi.....	42
BAB 3: Penutup.....	46
Rujukan	
Lampiran	

PUSAT PEMBELAJARAN DIGITAL SULTANAH NUR ZAHIRAH

## **SENARAI JADUAL**

Jadual 1 : Kekurangan kemudahan asas

Jadual 2: Projek Yang diluluskan

Jadual 3: Jumlah aduan

Jadual 4 : Tuntutan kontraktor

PUSAT PEMBELAJARAN DIGITAL SULTANAH NUR ZAHIRAH

## **SENARAI RAJAH**

### **1. Carta Organisasi**

PUSAT PEMBELAJARAN DIGITAL SULTANAH NUR ZAHIRAH

## RINGKASAN EKSEKUTIF.

Bagi pelatih yang telah menjalani Latihan Industri, ianya banyak memberi input yang berguna kepada pelatih dan seterusnya kepada organisasi di mana pelatih akan bekerja nanti. Melalui Latihan Industri ini, pelatih dapat memperolehi banyak pengalaman dan pengetahuan mengenai sesuatu bidang tugas terutamanya di sektor kerajaan.

Latihan Industri yang telah dijalani oleh pelatih dapat membantu pelatih mengenalpasti masalah yang terdapat di organisasi di mana pelatih ditempatkan. Ia dapat dilihat dari segi sistem pengurusan jentera pentadbiran. Permasalahan utama yang sering dihadapi di Unit Pembangunan Luar Bandar di Pejabat Daerah dan Tanah Maran, Pahang ialah sistem kerja yang dijalankan secara manual.

Dari segi kemudahan pengkomputeran misalnya adalah kurang yang akan mengganggu sistem kerja yang hendak dilakukan. Kesilapan juga sering berlaku akibat penggunaan pemikiran manusia lebih banyak digunakan dalam mengendalikan sistem kerja ini.

Melalui Latihan Industri ini juga dapat memberikan banyak kemahiran kepada pelatih. Selain dapat memenuhi syarat wajib kursus, pelatih dapat berinteraksi secara terus dengan kakitangan organisasi dan dapat mengenalpasti sistem kerja yang telah dijalankan.

Pelatih juga telah diberikan peluang untuk melakukan kerja-kerja yang biasa dilakukan oleh kakitangan organisasi yang terlibat. Antara kerja-kerja yang dilakukan ialah mengira kos anggaran projek, membuat minit mesyuarat, pengurusan baucer bayaran dan sebagainya.

Selain itu, pelatih juga diberi peluang untuk mengikuti aktiviti luar yang dijalankan oleh organisasi. Antaranya ialah menyertai perasmian Ekspedisi Berakit Sungai Pahang, pertandingan memasak yang dianjurkan oleh PUSPANITA Maran, gotong-royong dan sebagainya.

Melalui Latihan Industri ini juga, pelatih boleh memberikan cadangan penyelesaian masalah yang telah dikenalpasti melalui pemerhatian pelatih setelah menjalani Latihan Industri selama 12 minggu. Cadangan penyelesaian ini mungkin boleh digunakan untuk mengatasi masalah yang dihadapi.

Secara ringkasnya, Latihan Industri yang dijalani oleh pelatih banyak memberikan manfaat kepada pelatih terutamanya apabila pelatih memasuki bidang pekerjaan suatu hari nanti. Pengalaman seperti ini amat berguna kepada mahasiswa yang akan menempuh alam pekerjaan.